

Penjimatan subsidi

BH 05/06/08 M/S 1

Kerajaan belanja RM13.7 bilion hasil penstrukturan harga

Oleh Wan Hazmir Bakar, Saufi Hamzah dan Abdul Razak Raaff

PUTRAJAYA: Kerajaan menganggarkan memperoleh penjimatan RM13.7 bilion menerusi penstrukturan semula subsidi petrol, diesel dan gas serta pendapatan levi yang dikenakan terhadap syarikat penjana tenaga bebas (IPP) dan pengeluaran minyak kelapa sawit (POP).

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penjimatan itu akan dibelanjakan semula bagi kepentingan rakyat dengan RM4 bilion digahikan untuk dasar jaminan bekalan makanan negara, subsidi minyak masak (RM1.5 bilion), subsidi pembelian beras import (RM400 juta), subsidi tepung (RM200 juta), subsidi roti (RM100 juta) dan subsidi petrol, diesel dan gas (RM7.5 bilion).

"Bukan kita tak beri subsidi lagi, kita masih terus beri subsidi," kata Perdana Menteri ketika mengumumkan pakej penstrukturan semula subsidi di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Malah, katanya, bagi meringankan beban rakyat berikutan kenaikan harga runcit petrol dan diesel, pemilik kenderaan persendirian dengan kapasiti enjin sehingga 2000 cc dan pikap serta jip sehingga 2500cc akan diberi bayaran tunai RM625 se-

tahun untuk setiap kenderaan.

Pemilik motosikal persendirian dengan kapasiti enjin sehingga 250cc pula menerima bayaran tunai RM150 setahun bagi setiap kenderaan itu.

Beliau berkata, bayaran tunai itu akan diberi apabila pemilik kenderaan terbabit membayar atau memperbaharui cukai jalan, berkuat kuasa mulai 1 April lalu hingga 31 Mac tahun depan.

Bayaran itu akan dibuat menerusi kiriman wang di pejabat pos di seluruh negara mulai 1 Julai ini.

Pemilik kenderaan persendirian dengan kapasiti enjin melebihi 2000cc pula akan menikmati pengurangan cukai jalan sebanyak RM200, manakala pemilik motosikal persendirian dengan kapasiti enjin lebih 250cc sebanyak RM50 tertakluk kepada cukai jalan minimum sebanyak RM2.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet selama empat jam itu, Perdana Menteri mengumumkan harga petrol dinaikkan 78 sen seliter kepada RM2.70 dan diesel RM1 seliter kepada RM2.58 sen mulai hari ini.

Penetapan harga itu dibuat selepas diskaun 30 sen setiap liter daripada harga pasaran RM3 seliter berdasarkan harga semasa minyak mentah dunia dan ia akan dikaji semula setiap bulan.

Bagaimanapun, harga gas masak atau gas petroleum cecair (LPG) dan gas asli bagi kenderaan (NGV) masing-masing kekal pada RM1.75 sekilogram dan 63.5 sen seliter.

Abdullah turut mengumumkan tarif elektrik baru untuk Semenanjung membabitkan peningkatan 26 peratus untuk pengguna komersial dan industri, manakala peruncit, pekedai dan pengusaha restoran kecil serta perusahaan kampung yang menggunakan tidak melebihi 200 Kilowatt Jam (kWj) setiap bulan akan hanya mengalami kenaikan 18 peratus, berkuat kuasa 1 Julai ini.

Bagaimanapun, struktur tarif elektrik baru itu tidak membabitkan isi rumah yang menggunakan 200 kWj ke bawah setiap bulan dengan anggaran bil elektrik kurang daripada RM43.60.

"Ini bermakna, 59 peratus isi rumah di Semenanjung akan membayar kadar yang sama selagi mereka

PAKEJ PENSTRUKTURAN SEMULA

RM2.70
(naik 78 sen seliter)
Petrol

RM2.58
(naik RM1 seliter)
Diesel

**Berkuat kuasa
5 Jun 2008**

TUNGGU GILIRAN: Pemilik k



Bayaran tunai

Kenderaan persendirian sehingga 2000cc
Trak pikap dan jip sehingga 2500cc

RM625
setahun

Motosikal sehingga 250cc

RM150
setahun

Kenderaan persendirian lebih 2000cc.
Cukai jalan dikurangkan RM200

- RM200

Motosikal lebih 250cc.
Cukai jalan dikurangkan RM50
(minimum sebanyak RM2)

- RM50

Pemilik dan pekerja vesel berdaftar dengan Jabatan Perikanan

RM200
sebulan

“Kerajaan komited untuk memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana tidak akan dibebani dengan kenaikan kos petrol dan makanan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BANKRAKYAT
بنك رايكوت

diagih semula

a bahan api, levi untuk kurang beban rakyat

A SUBSIDI BAHAN API



kenderaan beratur untuk mengisi petrol di sebuah stesen minyak di Kuala Lumpur, semalam.



Tarif baru elektrik Semenanjung

(berkuat kuasa 1 Julai 2008)

Jumlah penggunaan di antara 0-400 kWj

200 kWj pertama (1-200 kWj) sebulan	21.8 sen/kWj
200kWj berikutnya (201-400 kWj) sebulan	34.5 sen/kWj
Caj minimum bulanan ialah RM3	

Jumlah penggunaan melebihi 400 kWj

500 kWj pertama (1-500 kWj) sebulan	30.0 sen/kWj
100 kWj berikutnya (501-600 kWj) sebulan	39.0sen /kWj
100 kWj berikutnya (601-700 kWj) sebulan	40.0sen/kWj
100 kWj berikutnya (701-800 kWj) sebulan	41.0sen/kWj
100 kWj berikutnya (801-900 kWj) sebulan	43.0sen/kWj
Setiap kWj berikutnya (901kWj) ke atas sebulan	46.0 sen/kWj
Caj minimum bulanan ialah RM3	

Pengagihan penjimatan

Peningkatan hasil kerajaan **RM13.7 bilion**

Ke mana?

Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara	RM4.0b
Subsidi minyak masak	RM1.5b
Subsidi pembelian beras import bagi penyeragaman harga	RM0.4b
beras di Sabah dan Sarawak	
Subsidi tepung	RM0.2b
Subsidi roti	RM0.1b
Sumbangan kepada subsidi petrol, diesel dan gas	RM7.5b